

FORUM PENGURUSAN TRANSFORMASI SOSIAL PERINGKAT MENTERI ASIA PASIFIK

KL ibu kota pertama anjur MOST di luar Paris

➔ Tingkat imej Malaysia sebagai negara anggota UNESCO



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



PERTUBUHAN PENDIDIKAN, SAINTIFIK & KEBUDAYAAN PBB



PROGRAM TRANSFORMASI PENGURUSAN SOSIAL

Oleh Haryani Ngah
aryani@bh.com.my
Kuala Lumpur

Malaysia buat kali pertama dipilih sebagai penganjur Forum Pengurusan Transformasi Sosial Peringkat Menteri Asia Pasifik (MOST) yang akan berlangsung dari 20 hingga 23 Mac ini.

Lebih istimewa Kuala Lumpur menjadi ibu kota pertama terpilih menganjurkan program berprestij ini yang sebelum ini berlangsung di Paris.

Pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah berikutan pelantikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim sebagai Presiden

Majlis Antara Kerajaan-Program Pengurusan Transformasi Sosial (IGC-MOST) untuk tempoh 2015 hingga 2017.

Malaysia turut menjadi Ahli Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi 2015-2019 pada pemilihan yang berlangsung di Paris, November 2015.

Rohani berkata, MOST adalah satu program di bawah UNESCO bertujuan merancang, menyelaras serta melaksanakan program dan aktiviti UNESCO yang berkaitan dengan bidang sains sosial, inklusiviti dan kesaksamaan gender.

"Saya amat berbesar hati dilantik sebagai Presiden pertama dari Asia Pasifik dan ia adalah satu keistimewaan dan penghargaan

besar bagi Malaysia dipilih dalam meneruskan hasrat perubahan sosial.

Mempromosi kepakaran

"Mesyuarat ini diadakan bertujuan menyediakan platform kepada semua negara untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan pengalaman negara anggota dalam membangun serta melaksanakan evidence based policy bersama penyelidikan dan pembuat dasar.

"Tema bagi mesyuarat kali ini bertajuk 'Membangun Masyarakat Inklusif di Asia Pasifik' dan kita akan membincangkan tiga subtema iaitu Inovasi Sosial, Penuaan dan Wanita Konteks 2030 Agenda 2030 Pembangunan Lestari.

"Ramai penyelidik dan pakar dalam dan luar negara akan mem-

bentangkan hasil penyelidikan yang dijalankan mereka pada mesyuarat kali ini dan ia sangat menarik," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Dialog serantau

Rohani berkata, penganjur program ini memberi satu ruang dialog serantau pada peringkat menteri dengan penyertaan ahli sains sosial dan strategi dasar sosial serantau.

Mesyuarat ini juga akan menjadi platform yang membolehkan pertukaran pengalaman dan aman berjaya dalam dasar negara di samping memberi peluang kerjasama ilmu melalui pembentangan dan perbincangan.

"Dengan pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah ia akan meningkatkan imej negara kita sebagai negara anggota UNESCO yang berminat dan komited dalam membangunkan inklusif serta memberi tumpuan pada Agenda Mampan 2030.

"Ini adalah platform bagi Malaysia dalam meningkatkan kerjasama dengan pakar luar negara dalam membangunkan strategi dan pelan tindakan bagi mengukuhkan dasar sedia ada," katanya.



Mesyuarat ini diadakan bertujuan menyediakan platform kepada semua negara untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan pengalaman negara anggota dalam membangun serta melaksanakan evidence based policy bersama penyelidikan dan pembuat dasar"

Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat